

# **Kertas Bil. 47/2015**



---

**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM  
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE-PAC) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR  
BERHUBUNG ISU-ISU PADA TAHUN 2015**

---

**Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam  
(Public Accounts Committee (PAC) Berhubung Isu-Isu Pada Tahun 2015**

**1. Pendahuluan :**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor atau Public Accounts Committee (PAC) dalam Bahasa Inggeris ditubuhkan di bawah Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor untuk menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus Negeri Selangor. Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas pada tahun 2015 terdiri daripada :

- |      |   |           |
|------|---|-----------|
| i)   | Y.B Tuan Ng Suee Lim<br>(ADN Kawasan Sekinchan)                             | Pengerusi |
| ii)  | Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail<br>(ADN Kawasan Kajang)     | Ahli      |
| iii) | Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)                   | Ahli      |
| iv)  | Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)                            | Ahli      |
| v)   | Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias<br>(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli      |
| vi)  | Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro<br>(ADN Kawasan Jeram)                   | Ahli      |
| vii) | Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman<br>(ADN Kawasan Meru)                     | Ahli      |

Berikut ialah tarikh-tarikh Jawatankuasa PAC telah bermesyuarat pada tahun 2015. Jawatankuasa PAC bermesyuarat dengan kuorum yang cukup.

<b>Bil</b>	<b>Tarikh Mesyuarat</b>
1	15 April 2015
2	13 Mei 2015
3	20 Mei 2015
4	3 Jun 2015
5	10 Jun 2015
6	17 Jun 2015
7	24 Jun 2015

## **2. Aturan Kerja Jawatankuasa :**

Cara semakan dijalankan di dalam mesyuarat PAC ialah dengan:-

- a) mengenal pasti isu yang berbangkit
- b) mengenal pasti pihak yang perlu memberi penjelasan
- c) tatacara semasa penjelasan berlangsung
- d) bagaimana penemuan ditentukan; dan
- e) bagaimana syor diputuskan.

## **3. Item-item Semakan**

### **3.1 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

- a) Isu: Pengurusan Pinjaman Pelajaran
- b) Jabatan: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- c) Tarikh panggilan: 13 Mei 2015
- d) Kehadiran: Y.Bhg. Datin Wan Rabiah binti Wan Mohd Yusof (Setiausaha Bahagian BPSM)

#### **3.1.1 Pengurusan Pinjaman Pelajaran**

Penemuan:

- i. MMKN telah memutuskan kuota tambahan sebanyak 1000 orang pelajar menjadikan jumlah kuota pelajar semasa 2000 orang dan juga peruntukan tambahan sebanyak RM 8.15 juta diberikan untuk Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) mulai tahun 2012.
- ii. Tanggungan sedia ada bagi peruntukan tahunan pengurusan pinjaman pelajar ialah RM 16.5 juta dan tanggungan pinjaman pelajar baru adalah sebanyak RM 3.1 juta. Oleh sebab sasaran 2000 orang pelajar tidak dapat dicapai dan ditampung, peruntukan hanya mampu tampung 1000 orang pelajar.
- iii. Biasanya, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) menerima lebih daripada 3000 permohonan setiap tahun. Jumlah peruntukan yang diluluskan setahun bergantung pada jenis pengajian seperti perubatan (RM 7000), Sarjana Muda (RM 6500), Diploma (RM 4900) dan Sijil (RM 4000).

- iv. Peruntukan yang diluluskan di atas tidak mempunyai caj pengurusan dan peruntukan yang diterima adalah nett.
- v. Cara pembayaran balik adalah secara ansuran. Siling pinjaman yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di atas mengikut jenis pengajian tidak dikemaskinikan sejak tahun 2007.
- vi. RM 5-6 juta secara purata dibelanjakan semula untuk biasiswa dan terdapat pelajar yang tidak membayar balik pinjaman.
- vii. RM 5 juta deposit tetap telah diletakkan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.
- viii. Tambahan peruntukan untuk membiayai sebanyak RM 8.5 juta tidak cukup untuk menampung pelajar tambahan sebanyak 1000 orang. Baru-baru ini jumlah kuota pelajar dikurangkan kepada angka asal iaitu 1000 orang daripada 2000 orang pelajar.
- ix. Pihak Audit menyatakan bahawa faktor yang menyumbang kepada sasaran kuota yang tidak dapat dicapai dan ditampung adalah kerana kebanyakan pemohon yang menerima pinjaman yang lumayan akan tolak pinjaman yang kurang lumayan.
- x. Selain itu, prestasi kutipan bayaran balik adalah amat rendah dan tidak dapat digunakan sebagai pusingan modal.
- xi. Pihak Audit juga mendapati RM 7000 setahun tidak cukup untuk menampung kos sara hidup dan pembiayaan yuran tahunan bagi kursus pengajian perubatan.
- xii. Tiada syarat yang jelas yang disediakan oleh BPSM untuk pelajar yang sudah mendapat pembiayaan pinjaman daripada institusi yang lain seperti PTPTN dan memohon untuk menerima pembiayaan dari Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Buat masa kini, BPSM hanya memberlakukan pelajar perubatan menerima lebih daripada dua jenis pembiayaan pinjaman daripada institusi yang berlainan.
- xiii. Bagi pelajar yang tidak membayar balik, BPSM telah membentuk satu *task force* untuk mencari pelajar tersebut dan mengutip balik bayaran pinjaman melalui laman sosial, e-mel, majikan (KWSP) dan juga melakukan *site visit*.

- xiv. Sehingga April 2015, sebanyak 2110 orang termasuk peminjam dan penjamin disenaraihitamkan.
- xv. Untuk tahun 2015, kuota sesi ini ditetapkan seramai 250 orang pelajar sahaja. Baki kuota sebanyak 850 orang pelajar akan ditawarkan untuk sesi kedua 2015 memandangkan kemasukan IPT utama adalah pada bulan Ogos. Kesimpulannya, terdapat tawaran dua kali setahun.
- xvi. Pinjaman pelajar baru pada tahun 2012 dan 2013 adalah sebanyak RM 3 juta, pada tahun 2014 adalah sebanyak RM 3.363 juta dan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM 4 juta setahun.
- xvii. Pelajar calon simpanan akan diberikan tawaran pemohon yang telah ditolak mengikut keperluan peruntukan disebabkan kalau mengambil pelajar baru akan mengambil masa yang lama termasuk memproses temu duga.
- xviii. Tiada kuota daripada segi kaum. Permohonan pembiayaan diberikan mengikut terma.
- xix. Selepas 6 bulan tamat pembelajaran, BPSM akan menghantar surat menuntut bayaran balik pinjaman.
- xx. Bagi pelajar yang masih menganggur, rayuan boleh dibuat kepada pihak BPSM.
- xi. Prosedur memilih calon simpanan tidak jelas dan bilangan pemohon yang ditawarkan pinjaman setiap tahun tidak tetap kerana bergantung pada deposit tetap yang dimiliki oleh BPSM dan juga keputusan akademik.
- xxii. Panel ditubuhkan dan merangkumi lebih kurang tiga orang dan melibatkan YB, EXCO dan Ahli Lembaga untuk menjalankan proses pemilihan dengan mengadakan temu duga dan sebagainya. Ada kalanya, sesi temu duga akan dijalankan di negeri lain bagi memudahkan pemohon-pemohon yang belajar di IPT Selangor.
- xxiii. Semua jenis pinjaman yang ditawarkan di bawah BPSM, pemohon wajib ditemu duga.
- xxiv. Tajaan sijil adalah yang paling rendah kerana kebanyakan pemohon tidak menepati kriteria yang dikehendaki.

- xxv. Proses pemilihan calon mengambil tempoh 4 bulan dari awal proses hingga ke akhir proses termasuk sesi temu duga.
- xxvi. Biasanya, sesi temu duga akan diadakan dua hingga tiga minggu selepas calon dipilih. Tetapi terdapat juga kes di mana sesi temu duga diadakan lebih daripada satu bulan.
- xxvii. Selain itu, terdapat masalah di mana bayaran tajaan adalah lewat kerana pada mulanya, pembayaran tajaan ialah melalui universiti pemohon. Sekarang, bayaran tajaan dikreditkan terus ke dalam akaun pelajar tersebut.
- xxviii. Sebahagian besar daripada bayaran tajaan dilaksanakan dalam tempoh dua bulan.
- xxix. Pada mulanya, tiada pegawai akauntan untuk menguruskan bayaran tajaan jadi proses melaksanakan bayaran tajaan mengambil masa empat bulan. Dengan pelantikan pegawai akauntan, proses itu dapat dipercepatkan dan sekarang hanya memerlukan masa dua bulan. Namun masa dua bulan masih lewat. Aduan boleh dilakukan di cawangan biasiswa BPSM.
- xxx. Bagi tunggakan bayaran balik tajaan, buat masa kini, BPSM hanya mengambil tindakan melalui *task force* kerana tidak mahu membebankan pelajar yang tidak dapat membayar balik dan kesukaran mengambil tindakan undang-undang kerana kos tinggi serta kurang berkesan.
- xxxi. Melalui tindakan *task force*, sebanyak tiga surat dikeluarkan daripada tarikh ansuran perlu dibayar balik. *Site visit* ke alamat rumah dan tempat kerja juga dilakukan tetapi kutipan bayaran balik masih rendah.

Syor PAC:

- i. Kekosongan jawatan di dalam Kerajaan Negeri diberi keutamaan untuk ditawarkan kepada pelajar yang menerima biasiswa bagi mengelakkan pengangguran dan kutipan bayaran balik dapat dilakukan.
- ii. Surat pertama harus dikeluarkan sebelum 6 bulan supaya dapat mengenal pasti peminjam yang tidak mampu membayar ansuran dan tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

- iii. Bagi pemohon yang tinggal di negeri lain, panel dicadangkan supaya mengadakan sesi temu duga pada hujung minggu supaya senang untuk pemohon ini menyertai sesi temu duga.
- iv. BPSM harus lebih tegas dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam yang tidak membayar balik pinjaman.
- v. Selain itu, satu semakan latar belakang harus dilakukan dengan kerjasama Bank Negara terhadap penjamin pemohon tersebut supaya penjamin yang tidak mempunyai reputasi yang bagus tidak akan ditawarkan tajaan.
- vi. BPSM juga boleh mengemukakan senarai peminjam dan penjamin kepada ADUN di DUN masing-masing supaya dapat membantu mengenal pasti peminjam dan penjamin yang tidak membayar balik pinjaman.
- vii. Pihak BPSM dan pihak Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS) harus memaklumkan kepada ADUN yang berkaitan supaya peminjam dapat dipantau dalam melaksanakan Ikrar Aku Janji bagi membayar balik pinjaman seperti yang dilakukan oleh SKIMSEL.
- vii. Hutang lapuk yang tertunggak terlalu lama dapat dihapus kira.
- ix. Pada jangka masa panjang, peruntukan Tabung Kumpulan Wang Simpanan Biasiswa Negeri Selangor dapat ditambahkan mengikut keperluan.

### 3.1.2. Program Hadiah Anak Masuk Universiti

Penemuan:

- i. Nilai sasaran yang ditetapkan adalah bergantung pada peruntukan yang ada.
- ii. Lebih kurang RM 8 juta diberikan secara geran setiap tahun. Tetapi pada tahun 2013, geran yang diberikan adalah RM 11 juta iaitu penambahan sebanyak RM 3 juta disebabkan syarat berubah dan terdapat jangkaan bahawa bilangan calon yang layak akan bertambah.

- iii. Namun begitu, didapati bilangan calon yang memohon kurang daripada jangkaan dan peruntukan yang selebihnya dipulangkan.
- iv. Bagi calon yang tidak layak rayuan boleh dilakukan kepada EXCO. Pegawai BPSM tidak ada kuasa untuk meluluskan peruntukan kepada calon yang merayu.
- v. Buat masa kini, hanya pelajar sepenuh masa Ijazah dan Diploma layak menerima HPIPT.
- vi. Semua status pemohon dikemaskinikan pada sistem *online* tetapi BPSM juga akan membuat panggilan dan juga menghantarkannya kepada alamat pemohon bagi cek hampir luput kerana kegagalan calon mengutipnya.
- vii. Kelulusan HPIPT mengambil masa dua bulan tetapi pada hujung tahun 2014, sistem tergendala mengakibatkan banyak *backlog* jadi proses memakan masa 3-4 bulan.
- viii. Selain itu, satu lagi punca *backlog* adalah melakukan sistem migrasi daripada sistem lama kepada sistem baru kerana sistem lama telah mengakibatkan bayaran dua kali. Oleh itu, keputusan MMKN pada tahun 2014 adalah untuk membayar melalui cek.
- ix. BPSM juga mengambil masa memproses permohonan untuk calon yang tidak lahir atau tidak bermastautin di Selangor lagi.
- x. Pihak Audit mengesyorkan supaya BPSM menetapkan satu kriteria dan proses yang jelas kepada calon-calon yang merayu.

Syor PAC :

- i. BPSM boleh memohon bantuan ADUN di DUN masing-masing supaya dapat membantu mengagihkan bayaran BPSM kepada calon yang layak menerima HPIPT.
- ii. BPSM diminta cadangkan kepada EXCO Pendidikan supaya HPIPT ditambah naik daripada RM 1000 kepada RM 1500 dan dibuka kepada calon yang mengambil Sijil Kemahiran.
- iii. Untuk kes rayuan, BPSM dan EXCO Pendidikan harus menetapkan kriteria SOP yang jelas supaya proses lebih telus daripada bergantung pada budi bicara dan juga sebagai kawalan dalaman. Selain itu, proses permohonan rayuan harus diberikan publisiti yang secukupnya supaya

semua calon boleh merayu menjadikan sistem lebih adil. Rayuan boleh dibuat kepada EXCO tetapi mesti ada kawalan dalaman.

- iv. Prosedur Rayuan juga harus mengambil kira faktor pemohon yang sakit, OKU dan sebagainya untuk rujukan EXCO berkaitan semasa meluluskan rayuan tersebut.
- v. BPSM dan EXCO Pendidikan harus menaikkan kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM 3000 kepada RM 4000 bagi program HPIPT.

### 3.2. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

- a) Isu: Pengurusan Masjid dan Pensijilan Halal
- b) Jabatan: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)
- c) Tarikh panggilan: 3 Jun 2015
- d) Kehadiran: Y. Bhg. Dato' Haji Haris bin Kasim (Pengarah JAIS)

#### 3.2.1 Pengurusan Masjid

Penemuan:

- i. Peruntukan untuk kerja-kerja baik pulih masjid yang telah diluluskan pada tahun 2011 adalah berjumlah RM5,999,760.00. Pada bulan Mac 2011, perbelanjaan peruntukan hanya mencapai 14.9% kerana ketika itu peruntukan tahun 2011 baru sahaja diluluskan dan pihak jabatan sedang menyelaras pengagihan peruntukan secara berperingkat.
- ii. Jumlah peruntukan untuk membaik pulih Masjid Negeri adalah berjumlah RM5 juta setahun. Walau bagaimanapun peruntukan tersebut tidak mencukupi untuk membaik pulih 2 unit lif (Khas untuk pelancong) yang telah rosak memandangkan pada tahun 2015 ini peruntukan RM4 juta adalah untuk membaik pulih penyaman udara.
- iii. Untuk tahun 2015, proses penggantian kubah yang berjumlah RM32 juta akan dijalankan. Oleh yang demikian, proses membaik pulih 2 unit lif akan dilaksanakan pada tahun 2016.

- iv. Unit Pembangunan JAIS telah mengemukakan semula Kertas Cadangan untuk mendapatkan tambahan 2 orang Penolong Jurutera (Mekanikal dan Elektrikal) secara kontrak kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia (JAIS) dan ia akan dipanjangkan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SUK) untuk dipertimbangkan.
- v. Pihak Jabatan hanya mampu melakukan kerja-kerja baik pulih setelah aduan diterima kerana kekangan kakitangan. Sekolah Agama yang perlu dipantau berjumlah 260 buah manakala masjid pula berjumlah 409 buah, Kekangan ini juga disebabkan oleh bilangan baik pulih yang diluluskan bagi setiap tahun adalah tinggi.
- vi. Pada masa kini, JAIS hanya mempunyai enam (6) orang Penolong Jurutera (Awam) JA29 yang perlu memantau kerja-kerja baik pulih di seluruh Negeri Selangor selain terlibat dengan penyelarasan projek-projek pembangunan baru di bawah Rancangan Malaysia ke 11 dalam tempoh 5 tahun;
- vii. Unit Pembangunan JAIS telah meminta Perunding Sistem Sokongan Elektronik untuk mempertingkatkan lagi cadangan asal sistem tersebut supaya ia lebih praktikal untuk digunakan serta memudahkan proses pengisian dan mendapatkan maklumat. Cadangan ini akan dibentangkan kepada Unit ICT(SUK) setelah sistem berkenaan dipertingkatkan.
- viii. Hasil kutipan dari masjid-masjid digunakan untuk program-program masjid dan juga baik pulih-baik pulih kecil.
- ix. Pada tahun 2015, JAIS telah melancarkan *Standard Operating System* (SOS) untuk masjid-masjid terbaik. Dalam SOS ini juga terdapat penarafan tandas yang mana JAIS akan meninjau semua tandas di masjid. Sekiranya masjid tersebut mempunyai lambang satu bintang, JAIS akan membantu.

Syor PAC:

- i. JAIS harus mewujudkan satu *task force* yang akan memantau kerja-kerja penyenggaraan dan baik pulih yang terdesak.

- ii. Masjid Negeri Selangor disyorkan mewujudkan satu perbadanan bagi menguruskan hal-ehwal baik pulih masjid memandangkan Masjid Negeri Selangor merupakan daya tarikan pelancong di negeri Selangor.

### 3.2.2 Pengurusan Pensijilan Halal

Penemuan:

- i. Bahagian Pengurusan Halal diwujudkan pada 18 Mei 2015 dengan 37 perjawatan keseluruhan. 27 perjawatan adalah tetap dari Jabatan Perkhidmatan Awam, manakala 10 perjawatan kontrak adalah daripada kelulusan MMKN.
- ii. Bermula November 2014, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil alih tugas pengurusan penyerahan Sijil Pengesahan Halal kepada pemohon yang layak melalui penghantaran pos.
- iii. Sampel akan diambil untuk pemeriksaan Pensijilan Halal, keputusan sampel tersebut bergantung pada kesukaran kes.
- iv. Permohonan Pensijilan Halal adalah melalui online. Setelah semakan dibuat, sekiranya tidak lengkap permohonan akan ditolak dan pemohon boleh mengemukakan semula permohonan yang telah lengkap.
- v. Proses Kelulusan Pensijilan Halal memakan masa yang lama kerana kekangan berikut:-
  - a. Kekangan pegawai yang menguruskan;
  - b. Pemohon yang tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan dalam masa yang ditentukan dan tidak memenuhi syarat akan ditolak.
- vi. Tempoh kelulusan Sijil Halal adalah dalam tempoh 90 hari.
- vii. Untuk memperbaharui Sijil Halal, JAKIM yang akan melaksanakannya. Bayaran untuk mendapatkan Sijil Halal adalah mengikut kategori iaitu:-

Bil.	Kategori	Kadar (RM) – Tempoh 2 tahun
1	Produk Makanan (Perkilangan)	Industri Kecil – RM200.00 Industri Kecil dan Sederhana – RM800.00 Industri Multinasional – RM1,400.00
2.	Premis Makanan (Hotel, Restoran, Kantin, Katering)	RM200.00 Mengikut jumlah dapur
3.	Premis Sembelihan	Mengikut jenis binatang dan jumlah sembelihan

- viii. Kutipan bayaran tersebut akan dimasukkan ke akaun MAIS kerana terdapat fatwa yang menyatakan bahawa harta-harta ini adalah hasil agama dan hasil bukan agama; dan
- ix. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Halal Hub yang ditubuhkan di bawah Pemerbadanan Menteri Besar (MBI). Walau bagaimanapun, peranannya berbeza dengan JAIS kerana ia adalah untuk memperkenalkan produk-produk halal di peringkat global dan bekerjasama dengan JAIS. Bagi isu-isu yang berkaitan dengan Halal akan ditangani oleh Halal International Selangor.

Syor PAC:

- i. JAIS harus mengemukakan Kertas Cadangan untuk mendapatkan penambahan kakitangan secara kontrak kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia supaya kekangan pegawai yang menguruskan kelulusan pensijilan halal dapat diatasi serta mempercepatkan proses kelulusan sijil tersebut.
- ii. JAIS harus mempunyai sistem tapisan yang efektif supaya pemohon pensijilan halal yang tidak mengemukakan dokumen yang diperlukan dalam masa yang ditentukan dan tidak memenuhi syarat ditolak serta dapat mempercepatkan proses mengeluarkan pensijilan halal.

- iii. JAIS dan JAKIM disyorkan memperkasakan unit-unit pensijilan dengan membandingkan praktis dan amalan yang berpandukan kepada piawaian *International Standards Organisation* (ISO).

### 3.3 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)

- a) Isu pada 20 Mei 2015: Pengurusan Pengendalian Kes Syariah berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Selangor Tahun 2012 Siri 2
- b) Isu pada 10 Jun 2015: Pembangunan Ibu Pejabat JAKESS dan 9 buah Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor
- c) Jabatan: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS)
- d) Tarikh panggilan: 20 Mei 2015
- e) Tarikh lawatan: 10 Jun 2015
- f) Kehadiran pada 20 Mei 2015: YAA. Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor)
- g) Kehadiran pada 10 Jun 2015: Amanah Raya Berhad, Hakim daripada Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, JAKESS, UPEN, JKR dan MBI

#### 3.3.1 Pengurusan Pengendalian Kes Syariah

Penemuan:

- i. Mahkamah Syariah Negeri Selangor telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor No. 2 Tahun 1989.
- ii. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) yang diterajui oleh Ketua Hakim Syarie yang dibantu oleh Ketua Pendaftar dan 204 orang pegawai dan kakitangan.

- iii. Satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan dan arahan telah dikeluarkan kepada hakim-hakim supaya kes-kes yang tertangguh terlalu lama dapat diberi penekanan dan diselesaikan dalam tahun 2015 ini.
- iv. JAKESS sentiasa memaklumkan kepada pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk membuat pengisian bagi kekosongan jawatan Hakim kerana JAKESS tidak mempunyai kuasa untuk melantik atau menguruskan kenaikan pangkat Pegawai-pegawai Syariah. Kesan daripada tindakan tersebut, semua jawatan kosong tersebut telah diisi sepenuhnya oleh JKSM pada 10 September 2012.
- v. Bagi kekosongan jawatan-jawatan sokongan, JAKESS juga sentiasa memaklumkan kepada pihak Pengurusan Sumber Manusia serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Oleh yang demikian, pengisian telah dibuat dari semasa ke semasa.
- vi. JAKESS telah mengadakan *Blueprint-Takwim* Jabatan dan Ketua Hakim Syarie yang telah mengeluarkan arahan kepada semua Hakim bagi memastikan *Blueprint* dipatuhi.
- vii. Terdapat banyak kekosongan jawatan sokongan Pembantu Syariah. Bidang kuasa Pembantu Syariah adalah melaksanakan tugas-tugas sokongan di dalam dewan bicara seperti menjaga fail dan mengambil tindakan pra pasca perbicaraan. Sekiranya, terdapat arahan daripada Hakim, JAKESS perlu memastikan arahan tersebut disampaikan kepada responden.
- viii. Hasil daripada lantikan 60 kakitangan secara kontrak yang dibiayai oleh Lembaga Zakat Selangor selama 2 tahun telah banyak membantu menyelesaikan kes-kes yang tertangguh. Walaubagaimanapun, pelantikan tersebut akan berakhir pada 31 Oktober 2015.
- ix. Keperluan melantik jawatan baru ialah sebanyak 136 jawatan. Tetapi hanya 55 jawatan yang dipohon untuk Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia memandangkan arahan yang tidak membernarkan sebarang pertambahan jawatan kecuali melalui sistem “trade-off” dengan jawatan yang sedia ada. Manakala baki 81 jawatan lagi akan dipohon secara jawatan kontrak kepada Kerajaan Negeri.

- x. Bagi 55 jawatan yang dipohon itu, sebahagiannya ialah lantikan Kerajaan Persekutuan dan sebahagian lagi adalah lantikan Kerajaan Negeri.
- xi. Gaji bagi Pegawai Gred 44 ke bawah ialah dibayar Kerajaan Negeri, manakala bagi Pegawai Gred 48 ke atas adalah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.
- xii. Bagi lokasi Mahkamah Rendah Hulu Langat, Mahkamah Rendah Petaling, Mahkamah Rendah Klang, Mahkamah Rendah Gombak Barat dan Mahkamah Rendah Shah Alam, sekurang-kurangnya terdapat 4 orang hakim untuk mengendalikan kes syariah di setiap mahkamah tersebut.
- xiii. Tetapi, bagi lokasi Mahkamah Rendah Sabak Bernam, Mahkamah Rendah Kuala Selangor, Mahkamah Rendah Hulu Selangor, Mahkamah Rendah Gombak Timur, Mahkamah Rendah Sepang dan Mahkamah Rendah Kuala Langat, hanya terdapat sekurang-kurangnya 2 orang hakim untuk mengendalikan kes syariah di setiap mahkamah tersebut.
- xiv. Jawatankuasa Pembangunan ICT telah meluluskan RM 1.2 juta untuk mahkamah seluruh Selangor bagi penggantian dan pertambahan perkakasan ICT. Pada tahun 2014, JAKESS telah membuat proses perolehan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Walaubagaimanapun, untuk Fasa 1, permohonan yang diluluskan adalah sebanyak RM 300 ribu sahaja. Untuk tahun 2016, JAKESS akan memohon baki tersebut berjumlah RM 900 ribu.
- xv. Kebocoran-kebocoran yang berlaku di Bangunan Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat tetap dibaiki menggunakan peruntukan Belanja Mengurus Khas untuk penyelenggaraan.

Syor PAC:

- i. JAKESS harus mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar 60 kakitangan kontrak yang dibiayai oleh Lembaga Zakat Selangor tersebut dapat diserapkan sebagai kakitangan kontrak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri.
- ii. Jabatan Audit Negeri Selangor harus mengadakan audit tambahan bagi membantu pemantauan projek mahkamah di Negeri Selangor berhubung syarat-syarat *Build-*

*Operate-Transfer* (BOT), cara pelaksanaan supaya pelanggan tidak mendapat bangunan yang bermasalah.

### 3.3.2 Pembangunan Ibu Pejabat JAKESS dan 9 buah Mahkamah Rendah Syariah Negeri Selangor

Penemuan:

- i. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.10/2006 bertarikh 3 Mei 2006 telah bersetuju mengenai Cadangan Pembangunan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) dan 9 buah Mahkamah Rendah Syariah oleh Amanah Raya Development Sdn Bhd (ARDSB) dengan kos berjumlah RM 160.59 juta.
- ii. Kerajaan Negeri bersetuju dengan kaedah konsep Build, Lease, Transfer (BLT) di mana sewaan adalah selama 20 tahun. Selepas tempoh tersebut, bangunan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri/JAKESS. Kadar sewaan dan perincian kewangan bangunan tersebut telah mendapat persetujuan daripada Pegawai Kewangan Negeri, JAKESS dan Amanah Raya Development Sdn Bhd.
- iii. Perjanjian penswastaan di antara Kerajaan Negeri Selangor dan ARDSB telah ditandatangani pada 24 Julai 2007.
- iv. Obligasi Kerajaan Negeri termasuk:-
  - a. Agreement to lease telah dimeterai dan dilaksanakan pembangunan mahkamah syariah sebagaimana termaktub dalam perjanjian.
  - b. Sub-lease agreement yang masih belum ditandatangani kerana ia melibatkan perihal suratan hak milik tanah/geran bagi setiap mahkamah Syariah yang diletak di bawah tanggungjawab Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI). Pihak SSI masih memerlukan pemberimilikan tanah dibuat ke atas SSI dan membolehkan perjanjian ini dimuktamadkan dengan kedua-dua belah pihak. Pihak SSI sedang menyemak kandungan perjanjian tersebut dan ARDSB telah melantik peguam untuk mengemukakan draf perjanjian. Didapati 7 Daerah Mahkamah Rendah Syariah yang mempunyai hak milik bagi tujuan Agreement Sub Lease.

- v. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 10/2006 bertarikh 3 Mei 2006 menimbang dan bersetuju dengan perkara-perkara berikut:-
- a. Cadangan konsep pembangunan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri kepada sebuah menara sahaja, seperti menara Kompleks Islam, sebagai Ibu Pejabat JAKESS bagi mengimbangi kedua-dua menara sedia ada. Tapak Kompleks ini dipinda dari tapak cadangan kepada tapak di sebelah hadapan kiri Bangunan Sultan Idris Shah (berdekatan tempat letak kereta awam sedia ada). Warna kubah hendaklah senada dengan warna kubah Bangunan Sultan Idris Shah tersebut.
  - b. Komponen pembangunan Kompleks tersebut dipersetujui seperti mana yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, bilik-bilik hendaklah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPEN), JPM dan kapasiti maksimum tempat duduk mahkamah/dewan bicara hendaklah antara 15-20 orang sahaja.
  - c. Sembilan (9) tapak untuk pembangunan Mahkamah Rendah Syariah di semua sembilan daerah yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-
    - Sg. Besar, Sabak Bernam
    - Bandar Baru Kuala Selangor, Kuala Selangor
    - Pandamaran, Klang
    - Kota Seri Langat, Kuala Langat
    - Bandar Baru Bangi, Hulu Langat
    - Asam Kumbang, Hulu Selangor
    - Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang
    - Bandar Baru Selayang, Gombak
    - Kota Damansara, Petaling
  - d. Kos keseluruhan pembangunan Kompleks Ibu Pejabat JAKESS dan Mahkamah Rendah Syariah adalah RM 160.59 juta termasuk kelengkapan perabot, hiasan dalaman dan infrastruktur ICT; dan
  - e. Semua Pentadbir Tanah Daerah, YDP dan PBT diminta menyegerakan kelulusan permohonan tapak dan pelan bangunan bagi cadangan pembangunan Kompleks dan Mahkamah Rendah Syariah ini dalam tempoh 2 minggu daripada

tarikh penghantaran. Pembangunan projek pula hendaklah dimulakan dalam tempoh 3 atau 4 hari daripada tarikh kelulusan Jabatan Teknikal.

- vi. Status Ibu Pejabat Mahkamah dan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak sehingga kini masih dalam pembinaan kerana terpaksa berkongsi “access road” dengan bangunan sebelah.
- vii. Mahkamah Syariah Gombak dijangka siap pada tahun 2015.
- viii. Mahkamah Syariah Daerah Hulu Langat pula hanya mula diduduki pada 1 Mac 2015 kerana masalah perkhidmatan telekom dan utiliti.
- ix. Jabatan Kerja Raya (JKR) hanya membuat pemeriksaan pra-Certificate of Practical Completion (CPC) dan sewaktu pemeriksaan dijalankan tiada masalah ataupun kerosakan dijumpai.
- x. Terdapat empat syarat untuk memastikan kelulusan daripada JKR seperti berikut:
  - a. Lukisan pelan selepas siap;
  - b. “Operational manual”
  - c. Jadual pelan “previous measures”; dan
  - d. “Comprehensive maintenance pelan”
- xi. Pihak JKR mendapati semasa pemeriksaan dilakukan, pintu pondok keselamatan masih ada tetapi kini telah hilang. JKR juga mendapati paip air dicuri dan Amanah Raya (pemaju) tidak melakukan sebarang laporan mengenai kecurian paip air ataupun kebocoran yang berlaku.
- xii. Turut dimaklumkan kepada Jawatankuasa bahawa kebocoran siling kerap berlaku walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan.
- xiii. Pihak Amanah Raya tidak memantau subkontraktor mereka apabila mereka menjalankan kerja-kerja membaik pulih.
- xiv. Walaupun mesyuarat diadakan antara UPEN, JKR dan Amanah Raya untuk melaporkan apa-apa kerosakan ataupun tindakan yang sepatutnya dibuat, didapati Amanah Raya tidak melakukan sebarang tindakan.

- xv. Jawatankuasa juga dimaklumkan oleh pihak JAKESS bahawa bekalan elektrik di Mahkamah Syariah Hulu Langat sering kali terputus dan ini menimbulkan persepsi yang kurang baik di kalangan pelanggan.
- xvi. Pembinaan utiliti yang kurang memuaskan menyebabkan Mahkamah Syariah terpaksa menanggung bil sebanyak RM 12 ribu sebulan.

Syor PAC :

- i. UPEN perlu membentuk satu *task force* yang dianggotai oleh pegawai yang bertanggungjawab semasa mengadakan mesyuarat berkala dengan JAKESS
- ii. JKR dan UPEN harus melakukan pemantauan yang kerap.
- iii. JKR ataupun kontraktor/penyiasat bebas UPEN harus menjalankan siasatan melalui kaedah kejuruteraan forensik terhadap punca-punca kerosakan yang berlaku di Mahkamah Syariah Hulu Langat dan kos tersebut patut ditanggung oleh Amanah Raya.
- iv. Pemantauan projek yang berkala harus dilakukan oleh JKR dan JAIS untuk memastikan kos tidak meningkat.

### 3.4. Jabatan Kerja Raya (JKR)

- a) Isu: Pembinaan Jambatan Ketiga Klang (JKK)
- b) Pihak: Jabatan Kerja Raya (JKR)
- c) Tarikh panggilan: 17 Jun 2015
- d) Kehadiran: YBhg. Dato' Ir. Haji Hamizan bin Mohd Inzan (Pengarah JKR)
- e) Penemuan:
  - i. JKK akan menghubungkan Lebuhraya Persekutuan daripada Shah Alam ke Klang dan Lebuhraya SHAPADU daripada Shah Alam ke Pelabuhan Klang.

- ii. Fasa 1 melibatkan pembinaan jambatan dan halatuju dan Fasa 2 melibatkan penurapan jalan utama dari Shah Alam ke Pelabuhan Klang.
- iii. Pada masa kini, Klang mempunyai dua jambatan iaitu Jambatan Kota dan Jambatan Musaidin.
- iv. Jambatan Kota mempunyai jumlah aliran trafik sebanyak 143 ribu kenderaan sehari dan Jambatan Musaidin lebih kurang 43 ribu kenderaan sehari.
- v. Tujuan utama pembinaan JKK adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik di Klang.
- vi. Pembinaan Jambatan Ketiga Klang merupakan pembinaan yang mempunyai "*highest astronomical type*" dan melibatkan piawaian JKR yang tertinggi dan mempunyai 4 lorong, kelebaran 3.5 meter dan mempunyai 150 m "free span" bagi membenarkan laluan kapal di bawah Jambatan.
- vii. Jalan sambungan yang akan dibina adalah sepanjang 2.5 km.
- viii. Pembinaan Jambatan Ketiga Klang telah menjimatkan Kerajaan Negeri RM 135 juta kerana menggunakan reka bentuk yang lebih mudah selenggara.
- ix. Pemaju yang dilantik adalah Cergas Murni dengan nilai harga tender terbuka sebanyak RM 199 juta. Tarikh bermula pembinaan Jambatan Ketiga Klang adalah pada 17 Julai 2014 dan peratus kemajuan Jambatan ialah 31% dan mengalami kelewatan 6% iaitu 102 hari.
- x. Rekaan keseluruhan Jambatan Ketiga Klang juga telah mengambil kira faktor gempa bumi.
- xi. Reka bentuk Jambatan Ketiga Klang mampu bertahan selama 100 tahun.
- xii. Selain melakukan kerja pembinaan Jambatan Ketiga Klang, JKR juga menjalankan kerja-kerja menaik taraf

- sistem saliran dan paip air di kedua-dua belah (kiri dan kanan) pembinaan.
- xiii. JKR mempunyai tiga pasukan teknikal yang sentiasa memantau perjalanan projek pembinaan Jambatan Ketiga Klang.
  - xiv. Mesyuarat tapak, audit dan teknikal diadakan dengan kerap untuk memastikan kerja-kerja pembinaan yang berkualiti dan mematuhi jadual pembinaan.
  - xv. Pembinaan Jambatan Ketiga Klang mempunyai *Non-Conforming Procedure* (NCP) 72 jenis dan 33 daripada jumlah tersebut telah diambil tindakan pembetulan.
  - xvi. Pembinaan Jambatan Ketiga Klang menghadapi dua masalah utama yang kerap iaitu tempoh pengambilan balik tanah yang panjang dan pengalihan utiliti yang rumit.
  - xvii. Fasa 2 pembinaan Jambatan Ketiga Klang mencatatkan 39 NCP yang melibatkan kerosakan jalan akses ke atas jalan yang sedia ada.
  - xviii. Proses tender Fasa 2 akan selesai pada bulan November tahun ini manakala kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada April 2016 dan dijangka siap menjelang April 2018.
  - xix. Pengambilan tanah telah melibatkan 140 lot tanah yang melibatkan lot perumahan individu dan juga masjid. Semua bayaran pampasan kepada pemilik tanah telah selesai dilaksanakan.
  - xx. JKR telah menjalankan sesi penerangan dan pertemuan dengan orang awam untuk memberi penerangan tentang pembinaan Jambatan Ketiga Klang serta mendapatkan maklum balas orang awam berhubung projek tersebut.
  - xxi. Dana yang diperuntukkan kepada JKR bagi tahun 2015 ialah sebanyak RM 90 juta. Bayaran pendahuluan sebanyak RM 10 juta kepada pihak kontraktor telah dilakukan. Sehingga kini, sebanyak RM 54 juta daripada

RM 90 juta telah dibayar untuk membiayai kerja-kerja pembinaan dan pembiayaan kontraktor.

- xxii. Punca utama berlaku kelewatan dalam proses pengambilan tanah ialah disebabkan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah Klang (JPPH) menghadapi masalah kekangan kakitangan serta maklumat permohonan yang tidak lengkap daripada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Klang. Sijil "Perakuan Kedesakan" dikeluarkan oleh pihak PTD Klang bagi membolehkan proses pengambilan tanah disegerakan supaya kerja-kerja pembinaan boleh dijalankan mengikut jadual yang dirancang.

f) Syor PAC :

- i. PAC mengesyorkan supaya semua kos pembinaan JKR perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dan dituntut oleh Kerajaan Negeri kerana JKR bertanggungjawab kepada Kerajaan Persekutuan.
- ii. JPPH harus mengemukakan Kertas Cadangan Khas untuk mendapatkan penambahan kakitangan secara kontrak kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia khususnya bagi projek-projek JKR yang tertentu di mana kakitangan yang ada tidak dapat menampung kerja-kerja yang sedia ada.
- iii. JPPH harus mempunyai sistem tapisan yang efektif supaya permohonan yang tidak lengkap daripada pihak Pejabat Tanah dan Daerah Klang dapat dikesan dan pembetulan permohonan dapat dilakukan dan diproses semula dengan cepat.

### 3.5 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

- a) Isu: Pengurusan Skim Bantuan Am
- b) Jabatan: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
- c) Tarikh panggilan: 24 Jun 2015

- d) Kehadiran: Encik Zuhaimi bin Omar (Ketua Pengarah JKM)
- e) Penemuan :
- i. Terdapat tiga jenis bantuan daripada Kerajaan Negeri iaitu pemberian Bantuan Am, Bencana dan Latihan Aprendis.
  - ii. Sebelum tahun 2012, pengurusan bantuan Am dibuat secara tunai dan atas talian.
  - iii. Mulai Januari 2012, JKMNS telah menggunakan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-bantuan) secara menyeluruh sebagai inisiatif untuk mempercepatkan proses pengurusan bantuan kebajikan bermula daripada proses permohonan, pendaftaran, siasatan, pemberian keputusan hingga pemakluman kepada pemohon dan juga untuk mengelak untuk membayar tunai.
  - iv. Pihak Audit telah membuat perbandingan terhadap kadar pemberian SBA (Skim Bantuan Am) di seluruh Malaysia dan mendapati kadar pemberian SBA yang ditetapkan di Selangor adalah antara kedua yang terendah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Pulau Pinang adalah yang tertinggi.
  - v. Pada mulanya, Kerajaan Persekutuan akan menambah 33% daripada pemberian bantuan am kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi polisi dasar itu telah dibatalkan. Sekarang pemberian Bantuan Am dibiayai 100% oleh Kerajaan Negeri.
  - vi. Bebanan kes JKM terlalu besar serta kekurangan kakitangan dan kebanyakan pemohon tidak mematuhi syarat permohonan.
  - vii. Kebanyakan staf JKM Gred S17 terpaksa bekerja pada hujung minggu kerana kekurangan staf tanpa bayaran lebihan masa. Staf Gred S17 tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi dan JKM telah menujuhkan

- satu *taskforce* untuk mengkaji sama ada staf Gred S17 boleh menuntut OT.
- viii. Majoriti daripada kakitangan JKM merupakan kakitangan lantikan daripada Kerajaan Persekutuan.
  - ix. Borang Perubahan Sosioekonomi diisikan oleh pelanggan dan jika didapati maklumat tidak betul, penilaian semula akan dilakukan.
  - x. Pembayaran Skim Bantuan Am dibayar melalui akaun bank dan pihak JKM hanya akan menilai semula pembayaran setahun sekali.
  - xi. Pihak JKM tidak mempunyai mekanisma yang khusus dalam mengesan penerima yang telah meninggal dunia dan ini menyebabkan JKM lewat memasukkan maklumat tersebut ke dalam sistem.
  - xii. JKM menerima 150 kes sehari di Klang. Di Kuala Langat sebanyak 20-25 kes sebulan dan di Kuala Selangor antara 8-10 kes sehari.

f) Syor PAC:

- i. Apabila JKM melakukan siasatan, JKM harus memastikan penerima berada di rumah mereka supaya dapat menjimatkan masa.
- ii. PGK harus diselaraskan di peringkat Persekutuan mengikut PGK yang ditetapkan di negeri Selangor namun begitu JKM berpendapat PGK perlu mempunyai nilai minimum dan nilai maksimum supaya lebih adil bergantung pada isi rumah dan bukan secara purata. Pihak Perbadanan Negeri mengesyorkan supaya JKM bentangkan kertas sebelum persidangan dewan kedua.
- iii. JKM harus seragamkan data melalui iworkfare bagi semua agensi pembasmian kemiskinan supaya penerima yang mampu berdikari dapat diberikan bantuan mencari pekerjaan. JKM sepatutnya hanya perlu mengendalikan kes penerima yang tidak mampu berdikari.

- iv. JKM harus memastikan kakitangan Gred S 17 dibenarkan menerima bayaran lebihan masa.

#### **4. Penutup :**

Berdasarkan laporan di atas, Jawatankuasa PAC telah berjaya memainkan peranan dan fungsi menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus negeri Selangor. Jawatankuasa PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan memberi penghargaan untuk Jabatan Audit Negeri yang turut serta, juga kepada semua pihak yang hadir memberi penjelasan, kepada ahli jawatankuasa PAC dan lain-lain.

Sesungguhnya Jawatankuasa PAC bertujuan untuk meneliti dan menyemak perjalanan urus tadbir kewangan negeri supaya menepati maksud *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

#### **5. Perakuan**

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2012 dan tahun 2013 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).



**(Y.B. Tuan Ng Suee Lim)**

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor

13 Julai 2015

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor Ketiga Belas adalah terdiri daripada:-

- |   |           |
|---|-----------|
| i)Y.B Tuan Ng Suee Lim<br>(ADN Kawasan Sekinchan)                             | Pengerusi |
| ii)Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman<br>(ADN Kawasan Meru)                    | Ahli      |
| iii)Y.B. Tuan Ng Tien Chee<br>(ADN Kawasan Balakong)                          | Ahli      |
| iv)Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)                  | Ahli      |
| v)Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias<br>(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli      |
| vi)Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro<br>(ADN Kawasan Jeram)                  | Ahli      |
| vii)Y.B. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail<br>(ADN Kawasan Kajang)   | Ahli      |

**Urus Setia:**

- i) Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker